

MINGGU

3

RUKUN HAJI: NIAT IHRAM, WUQUF & TAWAF



*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembali dengan kemabruran*

THCC +603 6207 1919
Tabung Haji Contact Centre

www.facebook.com/tabunghaji

www.twitter.com/tabung_haji

www.tabunghaji.gov.my

TALBIAH LAFAZ & MAKNA

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ،
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ



Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu ya Allah.

Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu.

Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu.

Tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu.

Hamba-Mu datang menyahut panggilanMu.

Sesungguhnya segala puji dan nikmat dan kerajaan adalah kepunyaanMu, tiada sekutu bagiMu.

KANDUNGAN

01

Pengertian Rukun Haji & Wajib Haji

02

Rukun 1: Niat Ihram Haji

- Miqat (Zamani & Makani)
- Jenis-jenis Haji
- Cara Mengerjakan Haji (Ifrad, Qiran & Tamattu')
- Cara Pemakaian Ihram

03

Rukun 2: Wuquf di Arafah

- Pengertian, Waktu & Syarat Sah Wuquf
- Amalan Sunat Ketika Wuquf

04


Rukun 3: Tawaf

- Pengertian, Jenis & Syarat Sah
- Amalan Sunat Ketika Tawaf

RUKUN HAJI

PENGERTIAN RUKUN HAJI

- Rukun Haji ialah **Pekerjaan Yang Mesti Dilakukan** Oleh Jemaah Haji Ketika Mengerjakan Haji.
- Jika **Tidak Ditunaikan**, Haji Seseorang **Tidak Sah/Tidak Sempurna/Tergantung** Dan Masih Tertakluk Dengan **Larangan Ihram**.



RUKUN HAJI




WAJIB-WAJIB HAJI

PENGERTIAN WAJIB HAJI

- Wajib Haji ialah **Pekerjaan Yang Wajib Dilakukan** Ketika Mengerjakan Haji.
- Jika **Tidak Mengerjakan Salah Satu** Daripadanya **Haji Tersebut Tetap Sah Tetapi Dikenakan Dam** Menurut Syarat-syaratnya Dan Menanggung **Dosa Jika Meninggalkan** Perkara Tersebut Dengan **Sengaja**.



WAJIB-WAJIB HAJI



***Niat Ihram hendaklah di Miqat atau sebelumnya.**

Peringatan : Setelah Niat Ihram mestilah jaga larangan dalam ihram



RUKUN HAJI PERTAMA NIAT IHRAM HAJI

MIQAT ZAMANI (HAJI)

Miqat Zamani bagi haji ialah bermula :


1 Syawal hingga seketika sebelum terbit fajar hari yang ke 10 Zulhijjah, inilah yang dinamakan bulan-bulan haji.

Tidak sah ihram haji jika dilakukan di luar bulan haji sebaliknya akan terjadi ihram umrah



Sebelum
Terbit Fajar 10
Zulhijjah

MIQAT TEMPAT (MAKANI)



JENIS-JENIS HAJI

01

Haji Fardu

Juga dikenali sebagai Haji Islam atau Haji Wajib. Ia adalah haji yang wajib ditunaikan oleh setiap muslim yang memenuhi syarat-syarat wajib haji sekali seumur hidup.

02

Haji Badal

Juga dikenali sebagai Haji Niyabah dan upah haji. Ia adalah yang ditunaikan oleh seseorang untuk orang lain menurut syarat-syaratnya.

03

Haji Sunat

Juga dikenali Haji Tarawwu'. Ia adalah ibadat haji yang ditunaikan oleh mana-mana muslim yang telah menunaikan Haji Fardu.

JENIS-JENIS HAJI

04

Haji Nazar

Haji Nazar ialah haji yang wajib ditunaikan oleh seseorang muslim yang telah bernazar untuk menunaikan haji kerana Allah S.W.T

05

Haji Qada'


Haji Qada' ialah haji yang ditunaikan oleh seseorang sebagai mengqada' haji yang fasad pada yang terdahulu.

RUKUN HAJI 1

NIAT IHRAM HAJI

Cara mengerjakan Haji:

- Haji Tamattu'
- Haji Iفراد
- Haji Qiran



NIAT IHRAM HAJI

HAJI TAMATTU'

Mengerjakan umrah dahulu dalam bulan-bulan haji kemudian mengerjakan haji pada tahun yang sama

NIAT MENERJAKAN HAJI TAMATTU'

نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى .

Lafaz

SAHAJA AKU MENERJAKAN UMRAH DAN AKU BERIHARAM DENGANNYA KERANA ALLAH TAALA

Niat Dalam Hati

نَوَيْتُ الْحَجَّ وَأَحْرَمْتُ بِهِ لِلَّهِ تَعَالَى .

Lafaz

SAHAJA AKU MENERJAKAN HAJI DAN AKU BERIHARAM DENGANNYA KERANA ALLAH TAALA

Niat Dalam Hati

NIAT IHRAM HAJI

HAJI IFRAD

Mengerjakan haji dalam bulan-bulan haji kemudian mengerjakan umrah setelah selesai amalan haji

NIAT MENGERJAKAN HAJI IFRAD

نَوَيْتُ الْحَجَّ وَأَحْرَمْتُ بِهِ لِلَّهِ تَعَالَى .

Lafaz

SAHAJA AKU MENGERJAKAN HAJI DAN AKU
BERIHRAM DENGANNYA KERANA ALLAH TAALA

Niat
Dalam
Hati

نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى .

Lafaz

SAHAJA AKU MENGERJAKAN UMRAH DAN AKU
BERIHRAM DENGANNYA KERANA ALLAH TAALA

Niat
Dalam
Hati

NIAT IHRAM HAJI

HAJI QIRAN

● Cara 1

Berniat mengerjakan haji dan umrah serentak dalam pada bulan haji kemudian melaksanakan semua rukun dan wajib haji. Umrah pula dikira selesai sebaik saja selesai menunaikan haji (dua dalam satu)

نَوَيْتُ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهِمَا لِلَّهِ تَعَالَى.

Lafaz

SAHAJA AKU MENGERJAKAN HAJI DAN UMRAH DAN AKU BERIHRAM DENGAN KEDUA-DUANYA KERANA ALLAH TAALA

Niat Dalam Hati

NIAT IHRAM HAJI

HAJI QIRAN

● Cara 2

Berniat mengerjakan umrah sahaja, tetapi sebelum tawaf ia berniat mengerjakan haji kemudian melaksanakan semua rukun dan wajib haji

نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى.

Lafaz

SAHAJA AKU MENGERJAKAN UMRAH DAN AKU BERIHRAM DENGANNYA KERANA ALLAH TAALA

Niat Dalam Hati

نَوَيْتُ الْحَجَّ وَأَحْرَمْتُ بِهِ لِلَّهِ تَعَالَى.

Lafaz

SAHAJA AKU MENGERJAKAN HAJI DAN AKU BERIHRAM DENGANNYA KERANA ALLAH TAALA



Niat Dalam Hati

PAKAIAN IHRAM



PERINGATAN :

**WAJIB MEMAKAI PAKAIAN IHRAM
SEBELUM BERNIAT IHRAM DI MIQAT**



PAKAIAN IHRAM

PAKAIAN LELAKI SEMASA IHRAM SECARA IDTIBA' (menampakkan bahu kanan)

- Hanya sunat dipakai semasa Tawaf yang diiringi dengan Sa'ie sahaja atau semasa Sa'ie sahaja
- Tidak disunatkan beridtiba' semasa di lokasi lain seperti stesyen berlepas dan sebagainya
- Begitu juga ketika solat, elak dari beridtiba'



RUKUN HAJI

PAKAIAN LELAKI SEMASA IHRAM TANPA IDTIBA'

Contoh-contoh selipar / sandal yang dibenarkan




RUKUN HAJI

PAKAIAN IHRAM WANITA

Perhatian :



- Elak dari bersolek – tanpa keperluan – elak fitnah dan riyak
- Pastikan aurat di jaga
- Kain telekung dan pakaian yang bersesuaian agar tidak menampakkan bentuk badan/aurat
- Disyorkan memakai stokin tebal dan panjang supaya tidak menampakkan aurat
- Elak dari memakai cermin mata yang besar sehingga menutup muka



RUKUN HAJI



PERINGATAN

- Jemaah haji yang melakukan Haji Tamattu' akan berniat ihram haji di bangunan penginapan di Makkah pada 8 Zulhijjah (Hari Tarwiyyah) sebelum bertolak ke Arafah.
- Jemaah haji yang melakukan Haji Ifrad atau Qiran dikira masih terpakai niat haji yang dilafazkan di Miqat ketika masuk ke Makkah (Qarnul Manazil) atau (Bir Ali) – mereka akan bergerak bersama-sama jemaah haji tamattu' ke Arafah pada 8 Zulhijjah (Hari Tarwiyyah) tanpa perlu berniat haji semula.

RUKUN HAJI KEDUA WUQUF DI ARAFAH


RUKUN HAJI 2

WUQUF DI ARAFAH



Maksud Berwuquf:

Berada di Arafah walaupun seketika dalam sebarang keadaan seperti duduk berbaring atau tidur. Bermula daripada gelincir matahari (masuk waktu Zohor) 9 Zulhijjah sehingga seketika sebelum terbit fajar (masuk waktu Subuh) 10 Zulhijjah.




Gelincir Matahari (masuk waktu Zohor) 9 Zulhijjah



Sebelum Terbit Fajar (masuk waktu Subuh) 10 Zulhijjah.

LOKASI MASYA'IR



KHEMAH DI ARAFAH



ARAFAH

Sabda Nabi Muhammad S.A.W :

الْحَجُّ عَرَفَةٌ


Maksudnya: Haji itu Arafah

HR Ahmad, Abu Daud Tarmizi dan Annasai



Bahawa wuquf di Arafah merupakan tiang haji dan rukun yang terpenting. Barangsiapa meninggalkannya, maka tiada haji baginya.

WAKTU WUQUF



Bermula daripada gelincir matahari (masuk waktu Zohor) 9 Zulhijjah



Sehingga seketika sebelum terbit fajar (masuk waktu Subuh) 10 Zulhijjah.

WAKTU AFDAL WUQUF

- Berwuquf sebahagian daripada siang 9 Zulhijjah dan sebahagian daripada malam 10 Zulhijjah

 Perhatian : Pertukaran hari dalam Islam bermula masuk waktu Mahgrib

SYARAT SAH WUQUF

- Telah berihram dengan Niat Haji
- Dalam keadaan seorang yang layak menunaikan ibadat (tidak gila, pengsan, mabuk dan hilang akal sepanjang masa wuquf)
- Berada di Arafah walau seketika dalam waktu wuquf



AMALAN SUNAT WUQUF

Bertalbiah



Berdoa, berselawat dan beristighfar berzikir



Mendirikan solat berjemaah



Tidak berpuasa



Berwuduk




Membaca Al-quran



Mengadap arah kiblat



Memberi tumpuan sepenuh hati semasa mengerjakan ibadat




RUKUN HAJI KETIGA TAWAF

RUKUN HAJI 3


TAWAF

Tawaf Dan Pengertiannya

- Mengelilingi Ka'bah sebanyak tujuh (7) pusingan bermula dari sudut Hajarul Aswad dan berakhir pada sudut yang sama menurut syarat-syaratnya.



JENIS – JENIS TAWAF



JENIS – JENIS TAWAF



PERHATIAN

1

Wajib berniat tawaf bagi tawaf berikut:

- Tawaf Sunat
- Tawaf Wada'
- Tawaf Qudum
- Tawaf Nazar
- Tawaf Tahiyat Al Bait

2

Sunat berniat Tawaf bagi Tawaf Umrah, Tawaf Haji dan Tawaf Qudum (bagi yang melakukan Haji Iفراد atau Qiran)

3

Lafaz Niat Tawaf :

“Ya Allah aku hendak Tawaf Baitullah Al Haram tujuh keliling Tawaf..... (yang berkaitan) maka permudah dan terimalah daripadaku kerana Allah”

SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

Menutup aurat

Cukup 7 pusingan dengan yakin.

Suci daripada hadas besar dan kecil

Mengekalkan niat tawaf

Suci badan/ pakaian/ tempat tawaf daripada najis

Dilakukan dalam Masjidil Haram dan di luar dari Hijr Ismail dan Syazarwan

Bermula dan berakhir pada sudut Hajarul Aswad dan berniat Tawaf Jika Tawaf Wada' /Sunat/ Nazar/ Qudum

Menjadikan Baitullah di sebelah kiri dan berjalan ke hadapan

SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

1. Menutup Aurat

- Aurat bagi lelaki adalah antara pusat hingga lutut.
- Jemaah haji lelaki hendaklah juga menutup anggota bahagian atas tubuhnya sebagai menjaga adab.
- Idtiba' (pemakaian kain ihram menampakkan bahu kanan) hendaklah ketika dalam tawaf yang diiringi dengan Sa'ie sahaja. Beridtiba' apabila hendak memulakan Tawaf sahaja. Jangan beridtiba' terlalu awal seperti di stesyen berlepas, lapangan terbang atau bangunan penginapan di Makkah atau Madinah.



SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

1. Menutup Aurat Wanita Semasa Tawaf

- **Had aurat wanita : Seluruh tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan hadapan dan belakang**
- **Berhati-hati dengan perkara ini:**
 - **Aurat di bawah dagu**
 - **Menampakkan pergelangan tangan**
 - **Elak memakai stokin nipis**
 - **Kelihatan anak rambut di kawasan muka / telinga sekiranya memakai kaca mata**



SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

2. Suci Daripada Hadas Besar Dan Kecil

Isu berbangkit :WUDUK SEMASA DI TANAH SUCI

- **Hukum asal :**
Bersentuhan lelaki dengan perempuan yang halal nikah tanpa lapik batal wuduk.
- **Namun ada Rukhsah bermaksud :**
Keringanan yang Allah berikan kepada umat Islam dalam melaksanakan perintah Allah di saat-saat darurat, masyaqqah atau hajjat.
- **Azimah bermaksud :**
Suatu kemestian melaksanakan perintah Allah dalam apa jua keadaan sekalipun. Contoh : wajib berwuduk semasa tawaf dan solat.



SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

2. Suci Daripada Hadas Besar Dan Kecil

Oleh itu boleh beralih dari pendapat Syafi'e masyhur kepada pendapat Syafi'e yang marjuh iaitu tidak batal wuduk jika berlaku persentuhan lelaki dan perempuan tanpa syahwat dalam masyaqqah dan haraj seperti kesesakkan di tempat tawaf dan lainnya



Catatan: Keputusan Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali ke- 21 dan 22

SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

2. Suci Daripada Hadas Besar Dan Kecil

Pendapat Ini diguna pakai ketika:

- Bermula dari keluar bangunan penginapan seterusnya hingga ketika di dalam Masjidil Haram atau Masjid Nabawi.
- Ketika berada dalam keadaan Masyaqqah seperti menaiki pesawat atau bas sepanjang tempoh mengerjakan haji/umrah sahaja.

Sah diguna pakai untuk tawaf dan sebagainya selagi wuduk tidak terbatal mengikut Mazhab Syafi'e.
Contohnya, seperti keluar angin daripada qubul atau dubur.



SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

3. Suci Badan/Pakaian/Tempat Tawaf Daripada Najis



Perhatian :

Jemaah Haji hendaklah berhati-hati dengan najis yang terdapat :



● Selipar yang dibawa bersama semasa tawaf



● Anak kecil berlampin


● Pakaian yang bernajis



● Tahi burung yang jelas najisnya, jatuh semasa tawaf

SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

4. Bermula Pada Sudut Hajarul Aswad Dan Berniat Tawaf



MINGGU 3

RUKUN HAJI: NIAT IHRAM , WUQUF DAN TAWAF




SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

5. Menjadikan Baitullah Di Sebelah Kiri Dan Berjalan Ke Hadapan



SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

6. Dilakukan Dalam Masjidil Haram Dan Di Luar Dari Hijr Ismail Dan Syazarwan




Hijr Ismail

Syazarwan

Syazarwan ialah binaan tembok kecil yang terletak di bahagian dinding kaki Kaabah.

SYARAT-SYARAT SAH TAWAF

7. Mengekalkan Niat Tawaf
8. Cukup 7 Pusingan Dengan Yakin.



AMALAN SUNAT TAWAF





*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan Kemabruran*

SEMOGA SEMUA BAKAL JEMAAH HAJI YANG DIKASIHI
DIBERIKAN OLEH ALLAH S.W.T

KESABARAN & KETENANGAN

SERTA DIDOAKAN MENDAPAT SEBAIK-BAIK

GANJARAN

Haji & Umrah Yang Mabror